



**KAJIAN SEBUTAN DAN BACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN
PELAJAR KOLEJ TINGKATAN ENAM SARATOK (KTES) : SEBUAH
KAJIAN FONETIK**

**Moanaza Bin Mohd Mohaldin
(73091)**

**Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik)
dengan Kepujian Universiti Malaysia
Sarawak**

2021

Perkara Depan Laporan PTA No 2: Pengisytiharan Keaslian Kerja/ *FYP Report Front*
Matter No. 2: Declaration of Original Work

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan/*Please tick*

(√)

Projek Tahun Akhir/
Final Year Project

Sarjana/*Masters*

PhD

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA
DECLARATION OF ORIGINAL WORK

Perakuan ini telah dibuat pada...2 JUN.....hari.....ISNIN.....2022.

This declaration is made on the2nd JUNEday of...MONDAY.....2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya ----MOZANAZA BIN MOHD MOHALDIN, 73091 (FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI) -----(NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk ----- KAJIAN SEBUTAN DAN BACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ TINGKATAN ENAM SARATOK (KTES) : SEBUAH KAJIAN FONETIK----- adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Student's Declaration:

I ----MOZANAZA BIN MOHD MOHALDIN, 73091 (FACULTY OF LANGUAGE AND COMMUNICATION) ----- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled ----- STUDY OF AL-QURAN PRONUNCIATION AND READING AMONG STUDENTS OF KOLEJ TINGKATAN ENAM SARATOK (KTES): A PHONETIC STUDY ----- is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

6 JUN 2022

Tarikh serahan
Date submitted

MOZANAZA BIN MOHD MOHALDIN (73091)

Nama pelajar (No. matrik)
Name of the student (Matric No.)

Pengesahan Penyelia:
Supervisor's Declaration:

Saya -----ROSLAN BIN ALI ----- (NAMA PENYELIA) dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk ----- KAJIAN SEBUTAN DAN BACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ TINGKATAN ENAM SARATOK (KTES) : SEBUAH KAJIAN FONETIK ----- (TAJUK) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan ---IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (LINGUISTIK) DENGAN KEPUJIAN----- (NYATAKAN IJAZAH), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

*I----- ROSLAN BIN ALI ----- (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled ----- STUDY OF AL-QURAN PRONUNCIATION AND READING AMONG STUDENTS OF KOLEJ TINGKATAN ENAM SARATOK (KTES): A PHONETIC STUDY ----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfilment for the conferment of -----BACHELOR OF ARTS (LINGUISTICS) WITH HONORS ---- (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.*

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Received for examination by: ROSLAN BIN ALI

Tarikh:

Date: 6 JUN 2022

(Nama penyelia)/ *(Name of the supervisor)*

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
 TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
 AKSES TERBUKA

Pengesahan Projek / Tesis
Validation of Project/Thesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- *This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.*



Tandatangan Pelajar/*Student's signature:*



Tandatangan Penyelia/*Supervisor's signature:*

6 JUN 2022

(Tarikh/*Date*)

6 JUN 2022

(Tarikh/*Date*)

Alamat semasa pelajar/*Current address of student:* KAMPUNG MELAYU DARAT
NYABOR, 94650 KABONG SARAWAK

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi berserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

*Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.*

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]
[*The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services*]

ABSTRAK

Kajian ini menumpukan terhadap permasalahan tahap penguasaan dan kelancaran pelajar Kolej Tingkatan Enam Saratok (KTES) dalam bacaan al-Quran berdasarkan hukum fonetik dengan menggunakan metode kuantitatif. Selain dari bacaan, pengkaji juga mengkaji hukum tajwid yang dilafazkan oleh pelajar dalam menghasilkan bunyi bacaan yang baik. Faktor kelemahan pelajar dalam bacaan al-Quran juga akan dikaji dan dianalisis sebagai data kajian. Pengkaji telah menggunakan dua kaedah temu bual dan kaedah borang soal selidik. Populasi kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar KTES untuk sesi temu bual dan seramai 100 orang pelajar sebagai responden borang soal selidik yang terdiri daripada pelajar dan bekas pelajar KTES. Persampelan seramai 130 orang ditentukan dengan merujuk jadual Krejcie & Morgan (1970). Instrumen soal selidik diedarkan kepada responden menggunakan model penilaian *Herbert* (1973) yang merupakan penilaian secara berskala. Skala dimulakan dengan “sangat tidak setuju” hingga ke “sangat setuju”. Ujian kualiti bacaan dilakukan untuk mengetahui tahap pencapaian pelajar dalam bacaan al-Quran yang diukur menggunakan skala rubrik. Analisis deskriptif digunakan untuk memberi tafsiran kepada data dan seterusnya menjawab persoalan kajian. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20.0. Analisis mendapati 70.6% murid telah menguasai bacaan al-Quran, 19.9% pada tahap sederhana dan 9.5% murid masih di tahap lemah. Matlamat utama program ini adalah untuk mengenal pasti faktor kelemahan pelajar KTES dalam menguasai bacaan al-Quran sekali gus mencari jalan alternatif bagi menyelesaikan masalah ini. Namun demikian, masih terdapat pelajar yang gagal menguasai bacaan al-Quran. Secara keseluruhannya, kajian mendapati keberkesanan pelaksanaan input dan produk adalah mencapai tahap piawaian. Namun penilaian terhadap konteks dan proses perlu ditambah baik bagi mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar.

Kata Kunci : Penguasaan bacaan al-Quran, Pelajar KTES, Fonetik, Tajwid, Faktor kelemahan.

ABSTRACT

This study focuses on the problem of the level of mastery and fluency of Kolej Tingkatan Enam Saratok (KTES) students in the recitation of the Quran based on phonetic laws using quantitative methods. Researchers have used two interview methods and questionnaire form methods. The population of this study consisted of 30 KTES students for the interview session and a total of 100 students as respondents to the questionnaire consisting of students and former students of KTES. A sampling of 130 people was determined with reference to the table of Krejcie & Morgan (1970). Questionnaire instruments were distributed to respondents using Herbert's (1973) evaluation model which is a scaled -up evaluation. The scale starts with "strongly disagree" to "strongly agree". Reading quality test was conducted to determine the level of student achievement in reading the Qur'an measured using a rubric scale. Descriptive analysis was used to interpret the data and subsequently answer the research questions. Quantitative data were analyzed using SPSS software version 20.0. The analysis found that 70.6% of students have mastered the recitation of the Quran, 19.9% at the intermediate level and 9.5% of students are still at a weak level. The main goal of this program is to identify the factors of weakness of KTES students in mastering the recitation of the Qur'an and at the same time find alternative ways to solve this problem. However, there are still students who fail to master the recitation of the Quran. Overall, the study found that the effectiveness of input and product implementation is up to standard. However, the assessment of the context and process needs to be improved to improve the level of student achievement.

Keywords: Mastery of Quran recitation, KTES students, Phonetics, Tajweed, Weakness factors.

PENGHARGAAN



Segala puji ke hadrat Allah SWT yang maha bijaksana atas limpah kurnia-Nya dan berkuasa atas tiap-tiap makhluk serta berhak untuk menurunkan ilmu pengetahuan kepada umat-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW yang telah terpilih sebagai rasul dengan memimpin umat manusia melalui al-Quran sebagai warisan.

Ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (FBK, UNIMAS) atas tugas yang diberikan ini. Tugas ini mungkin membawa manfaat kepada pengkaji seterusnya. Tidak lupa juga, Profesor Madya Dr. Ting Su Hie yang telah menggembleng tenaga dalam menguruskan tugas ini untuk menjadi sebuah tugas yang baik dan dapat dirujuk pada masa hadapan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Penyelia Projek, Dr. Roslan bin Ali yang telah membimbing saya dalam menyiapkan tugas ini. Di samping bertanya dengan pensyarah. Ucapan terima kasih yang saya mampu ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kursus Linguistik. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberi sokongan dari belakang sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Kajian ini memerlukan kerjasama yang tinggi dari pihak responden. Ucapan terima kasih tak terhingga saya ucapkan pelajar-pelajar Kolej Tingkatan Enam Saratok (KTES) kerana sudi meluangkan masa bersama saya bagi mendapatkan hasil data kajian. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah KTES yang telah membantu serta memberi keizinan kepada saya untuk menjadikan pelajar KTES sebagai responden saya. Ilmu al-Quran saya tidaklah tinggi mana. Oleh itu, saya perlukan seorang ilmuwan yang mahir dalam selok-belok bacaan al-Quran. Ucapan terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada Ustaz Awang Yusup bin Awang Mantaril yang membantu saya dalam menilai bacaan pelajar. Akhir sekali, setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya ucapkan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam projek ini secara langsung mahupun tidak. Saya berharap kekurangan dalam tugas ini dapat diperbaiki dalam kajian yang akan datang.

ISI KANDUNGAN

<i>BORANG PENGISYTIHARAN KEASLIAN KAJIAN</i>		I
<i>ABSTRAK (BAHASA MELAYU)</i>		IV
<i>ABSTRACT (ENGLISH)</i>		V
<i>PENGHARGAAN</i>		VI
<i>SENARAI ISI KANDUNGAN</i>		VII
<i>SENARAI JADUAL</i>		X
<i>SENARAI RAJAH</i>		XI
<i>BAB 1</i>		1
1.0	<i>Pengenalan dan Sejarah</i>	1
1.1	<i>Permasalahan Kajian</i>	5
1.2	<i>Tujuan dan Objektif Kajian</i>	6
1.3	<i>Definisi Operasional Terma</i>	7
1.4	<i>Kepentingan Kajian</i>	8
<i>BAB 2</i>		9
2.0	<i>Tinjauan Literatur</i>	9
2.0.1	<i>Penguasaan Bacaan Al-Quran Menerusi Tahsin Al-Quran (2021)</i>	9
2.0.2	<i>Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 SK Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran dan Model Tasmik J-QAF. (2018)</i>	12
2.0.3	<i>Tinjauan Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran dalam Kalangan Murid Tahun 4 SK Keniong, Simunjan (2013)</i>	15
2.0.4	<i>Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasih, dan Hukum Tajwid dalam Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah :satu Tinjauan Awal. (2015)</i>	18
2.0.5	<i>Keupayaan Bacaan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu (2008)</i>	21

2.0.6	<i>KEBOLEHUPAYAAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN (PSMZA) (2020)</i>	26
2.0.7	<i>FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KELEMAHAN MEMBACA AL-QURAN BAGI PELAJAR-PELAJAR DARJAH 6 DI SEKOLAH AGAMA FELDA NITAR 2 , MERSING (2017)</i>	29
2.0.8	<i>KAEDAH TALAQQI MUSYAFahah DALAM PENGAJARAN AL-QURANWA AL-HIFZ KURIKULUM DINI SABK DI PERAK (2019)</i>	31
2.0.9	<i>ANALISIS TAHAP PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN MURID TAHUN 4 SEKOLAH KEBANGSAAN AIR PUTIH BERDASARKAN MODEL KHATAM AL-QURAN DAN MODEL TASMIK J-QAF (2018)</i>	35
2.0.10	<i>PERSEPSI PELAJAR TERHADAP AMALAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN (2009)</i>	37
2.1	<i>KAJIAN KRITIS</i>	40
BAB 3		42
3.0	<i>METODOLOGI KAJIAN</i>	42
3.0.1	<i>REKA BENTUK KAJIAN</i>	42
3.0.2	<i>RESPONDEN KAJIAN</i>	43
3.0.3	<i>INSTRUMEN KAJIAN</i>	43
3.0.4	<i>PROSEDUR PENGUMPULAN DATA</i>	48
3.0.5	<i>PROSEDUR ANALISIS DATA</i>	49
3.0.6	<i>BATASAN KAJIAN</i>	50
3.1	<i>RUMUSAN BAB</i>	50
BAB 4		50
4.0	<i>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</i>	50
4.0.1	<i>ANALISIS DAPATAN KAJIAN TEMU BUAL (A)</i>	50
4.0.2	<i>ANALISIS DAPATAN KAJIAN TEMU BUAL (B)</i>	52
4.0.3	<i>ANALISIS DAPATAN BORANG SOALAN SELIDIK (A)</i>	53
4.0.4	<i>ANALISIS DAPATAN BORANG SOALAN SELIDIK (B)</i>	57

4.1	<i>HASIL KAJIAN</i>	59
BAB 5		60
5.0	<i>RINGKASAN KAJIAN</i>	60
5.1	<i>CADANGAN KAJIAN</i>	61
5.2	<i>KESIMPULAN</i>	61
RUJUKAN		63

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.	<i>Kaedah Pengumpulan Data (Kajian Lepas 1)</i>	12
2.	<i>Data Kajian melalui Perlaksanaan Aktiviti (Kajian Lepas 1)</i>	15
3.	<i>Reka Bentuk Penyelidikan (Kajian Lepas 2)</i>	15
4.	<i>Ukuran Tahap Pencapaian Bacaan al-Quran (Kajian Lepas 2)</i>	16
5.	<i>Data Kajian – Tahap Pencapaian Bacaan al-Quran (Kajian Lepas 2)</i>	16
6.	<i>Analisis Tahap Kemahiran Pelajar berdasarkan Iqra' (Kajian Lepas 3)</i>	18
7.	<i>Analisis Data – Jumlah Pelajar Berdasarkan Tahap Iqra' (Kajian Lepas 3)</i>	19
8.	<i>Skema Penilaian Berdasarkan Gred (Kajian Lepas 4)</i>	21
9.	<i>Analisis Data – Dapatan Kesemua Ujian Lisan dan Bertulis (Kajian Lepas 4)</i>	22
10.	<i>Analisis Data Persoalan 1 (Kajian Lepas 5)</i>	26
11.	<i>Analisis Data Persoalan 2 (Kajian Lepas 5)</i>	27
12.	<i>Analisis Data Persoalan 3 (Kajian Lepas 5)</i>	27
13.	<i>Jadual 13 : Dapatan Kajian (Kajian Lepas 6)</i>	29
14.	<i>Jadual 14 : Dapatan Kajian (Kajian Lepas 7)</i>	32
15.	<i>Jadual 15 : Analisis Data Dapatan Kajian (Kajian Lepas 8)</i>	35
16.	<i>Jadual 16 : Tahap Pencapaian Bacaan al-Quran - Data Kajian (Kajian Lepas 9)</i>	38
17.	<i>Dapatan Kajian daripada Objektif 2 (Kajian Lepas 10)</i>	41
18.	<i>Skema Penilaian Borang Temu Bual A</i>	46
19.	<i>Borang Temu Bual A– Potongan Ayat al-Quran Secara Rawak</i>	46
20.	<i>Borang Temu Bual B – Huruf Hijaiyah Secara Rawak</i>	47
21.	<i>Skema Penilaian Borang Soal Selidik</i>	49

22.	<i>Borang Soal Selidik B – Faktor Pelajar Lemah dalam Bacaan al-Quran</i>	49
23.	<i>Jadual 23 : Hasil Analisis Data Kajian (Borang Temu Bual A)</i>	53
24.	<i>Jadual 24 : Hasil Analisis Data Kajian (Borang Temu Bual B)</i>	55
25.	<i>Jadual 25 : Hasil Analisis Data Kajian (Borang Soal Selidik A)</i>	55
	<i>Jadual 26 : Hasil Analisis Data Kajian (Borang Soal Selidik B)</i>	59

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.	<i>Model Konseptual Kajian (Kajian Lepas 5)</i>	25
2.	<i>Borang Soal Selidik A – Tahap Pengetahuan Hukum Tajwid</i>	48

BAB 1

Dalam bab 1, pengkaji akan menjelaskan beberapa bahagian utama iaitu pengenalan, permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian, definisi operasional terma dan kepentingan kajian.

1.0 PENGENALAN DAN SEJARAH

Agama Islam merupakan agama kedua terbesar di dunia, berdasarkan catatan sejarah, Islam telah mula diturunkan sejak zaman Nabi Adam A.S. dan mula berkembang dengan pesat apabila zaman pendakwaan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Perkembangan Islam telah menyebabkan wujudnya mushaf al-Quran. Sebelum zaman pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin, ayat-ayat al-Quran hanya dihafal dan ditulis di pelepah-pelepah kurma, kulit biri-biri, dan kepingan-kepingan kayu. Ayat al-Quran tidak diturunkan secara sekali gus, tetapi diturunkan secara berperingkat. Ayat al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan dari *Luh Mahfuz* dan diturunkan kepada malaikat Jibrail. Malaikat Jibrail pula menyampaikannya kepada Nabi Muhammad SAW. Mengikut artikel sejarah al-Quran yang ditulis oleh Mohd Haidhir (2020), baginda Rasulullah SAW akan menghafaz ayat yang telah disampaikan oleh malaikat Jibrail dengan sempurna dan kemudian dibacakan kepada para sahabat. Para sahabat baginda akan menghafaz ayat tersebut dengan cara menulisnya di tempat yang tertentu. Malaikat Jibrail juga dikatakan akan turun ke bumi untuk menyemak bacaan Rasulullah sekali setahun kecuali pada tahun terakhir. Malaikat Jibrail telah menyemak bacaannya sebanyak dua kali. Pada zaman kerasulan Nabi Muhammad SAW, para sahabat tidak berminat untuk membukukan ayat yang telah dihafal. Mereka lebih minat untuk menghafal sahaja. Hal ini juga kerana ayat-ayat al-Quran diturunkan secara berperingkat.

Pada zaman Islam Khulafa ar-Rasyidin, Sayidina Abu Bakar telah mengumpul penghafaz-penghafaz al-Quran kerana khuatir akan dilupakan. Semua benda yang telah digunakan untuk menulis ayat-ayat al-Quran juga dikumpulkan. Saidina Abu Bakar bertindak membukukan ayat al-Quran kerana Nabi Muhammad SAW telah wafat. Oleh itu, penyampaian ayat-ayat al-Quran melalui malaikat Jibrail telah pun tamat. Pembukuannya telah menghasilkan mushaf-mushaf al-Quran yang diperbuat daripada kulit kambing biri-biri. Selama pemerintahannya dalam zaman

Khulafa ar-Rasyidin, beliau berjaya membukukan sebuah mushaf penuh al-Quran tanpa tajwid. Selepas kewafatan Saidina Abu Bakar, Saidina Umar al-Khattab telah dipilih sebagai pemimpin bagi menggantikan Sayidina Abu Bakar. Disebabkan mushaf al-Quran yang dihasilkan oleh Abu Bakar hanya sebuah, maka penduduk yang bukan dari Mekah terpaksa pergi ke Mekah bagi mendapatkan ayat yang benar. Oleh itu, Sayidina Umar telah memperbanyak mushaf untuk dihantar ke setiap negeri yang berdekatan. Al-Quran berjaya dibukukan dengan banyak ketika pemerintahan beliau. Al-Quran juga dijaga dengan ketat agar tidak berlaku sebarang pengubahan haram oleh masyarakat yang menentang Islam. Selepas kewafatan Sayidina Umar, Sayidina Ali Abi Talib mula memegang tampuk pemerintahan. Pada akhir pemerintahan beliau, beliau mendapati sesetengah masyarakat telah membacakan ayat al-Quran dengan menggunakan bunyi yang lain. Hal ini disebabkan Abu Bakar telah membukukan al-Quran tanpa tajwid. Masalah ini sempat diadukan kepada Sayidina Usman al-Affan. Zaman pemerintahan Usman al-Affan telah berjaya menulis semula mushaf al-Quran berserta Tajwid seperti yang dilihat pada hari ini.

Al-Quran mula berkembang dengan pesat apabila pendakwaan agama Islam tersebar dengan ketika zaman kegemilangan Turki Uthmaniyah. Apabila kuasa Eropah mula menguasai dunia, Islam masih lagi mampu mempertahankan ayat al-Quran di samping penyebaran agama Kristian secara besar-besaran. Kitab *Bible* juga mula disebarkan kepada segenap lapisan masyarakat. Bagi mempertahankan ayat al-Quran, ayat-ayat al-Quran mula diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh tokoh penterjemah al-Quran pertama iaitu *Muhammad Marmaduke William Pitckthall*. Tahun kitab terjemahannya sempurna sepenuhnya tidak dapat dipastikan kerana mempunyai pelbagai pendapat oleh cendekiawan Barat. Ketika agama Kristian mula berkembang dengan pesat di Timur, Islam juga berkembang di sebelah Barat. Disebabkan itu, kita dapat menyaksikan zaman kegemilangan Islam di Sepanyol pada abad ke-15. Apabila berlakunya perang dunia kedua, Jepun mula menjajah beberapa negara di Asia Tenggara. Aceh telah mendapat pengiktirafan daripada kepimpinan Jepun untuk meneruskan pendakwaan agama Islam. Walau bagaimanapun, masyarakat Aceh dipaksa untuk menerima budaya Jepun termasuk bahasa. Al-Quran dalam bahasa Jepun mula diperkenalkan kepada kiai-kiai di sekolah pondok. Penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Jepun telah diterjemahkan oleh Imam *Shumei Okawa*. Beliau merupakan pejuang Nasionalis Jepun dan pakar dalam bidang kesusasteraan dan bahasa. Walau

bagaimanapun, penterjemahannya tidak mendapat sambutan oleh masyarakat Jepun kerana masyarakat Jepun sangat mempertahankan agama Buddha. Oleh itu, masyarakat Islam di Jepun sangat lambat berkembang dan masih menjadi agama minoriti di Jepun. Di bahagian Timur, bahasa Melayu merupakan bahasa yang terbesar digunakan di Asia Tenggara. Antara negara yang menggunakan bahasa Melayu pada zaman penjajahan ialah Tanah Melayu, Kepulauan Borneo, Brunei, Singapura dan Indonesia. Disebabkan itu, wujud aktiviti penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu pertama telah diterjemahkan oleh *Sheikh Basmeih Abdullah Salleh*. Tafsiran pertama beliau telah berjaya disiapkan pada tahun 1968. Cetakan ini dinamakan sebagai Tafsiran ar-Rahman. Pencetakan al-Quran bertafsir ini telah dicetak oleh *Warta Malaya* dan ditapis oleh golongan- golongan ulama. Tafsiran yang sempurna selepas ditapis berjaya dibukukan selengkapnya pada tahun 1972.

Penterjemahan al-Quran dalam pelbagai bahasa tidak mengubah keaslian al-Quran tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana bahasa Arab masih lagi dikekalkan. Bahasa Arab mempunyai sistem abjad yang tersendiri. Abd Wakil Abd Karim seperti yang dinyatakan dalam Razak (2008), menjelaskan beberapa ciri yang terdapat dalam bahasa Arab iaitu pada sistem makhraj dan huruf-hurufnya, pada kosa kata yang ada pada devirasi-devirasi kata, pengayaan kosa kata, selain mempunyai kelebihan pada ayat-ayat dan gaya penulisan. Pendapat ini boleh kita selitkan dengan hukum fonetik. Dalam kajian Asmah Omar (2018), beliau menyimpulkan bahawa terdapat dua jenis penghasilan bunyi melalui daerah-daerah yang tertentu dalam alat artikulator serta mempunyai ciri dan cara penghasilan yang tersendiri. Penghasilan bunyi yang dikatakan di sini ialah penghasilan bunyi vokal dan penghasilan bunyi konsonan. Menurut Kamus Dewan (1996 : 354) – Fonetik ialah ilmu bahasa (linguistik) yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya. Manakala menurut Raminah Haji Sabran (1984) dalam bukunya yang berjudul *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan* menyatakan bahawa fonetik ialah kajian tentang fenomena bunyi atau pertuturan manusia sejagat. Menurut Dr. Lutfi Abas (1985), fonetik juga membawa maksud mempelajari segala bunyi yang diucapkan melalui mulut manusia, baik bunyi manusia, bukan bunyi bahasa, mahupun bunyi marginal, dan memberikan simbol fonetik untuk setiap bunyi. Kesemua pendapat ini dapat kita simpulkan bahawa fonetik merupakan sebuah bidang linguistik yang mengkaji bunyi yang dikeluarkan oleh alat artikulator. Alat

artikulator ini memainkan peranan penting untuk membunyikan perkataan-perkataan bahasa Arab mahupun dalam membaca ayat- ayat al-Quran. Bahasa Arab sangat mementingkan bunyi dan sebutan yang betul. Hal ini dikatakan sedemikian kerana terdapat beberapa perkataan yang bergantung pada tajwid dan hukum bacaannya. Bahasa Arab boleh membawa makna yang berbeza jika hukum tajwidnya tidak dilafazkan. Sebagai contoh, [جمال] “*jamalun*” membawa maksud “unta”. Namun jika perkataan ini dibacakan [جمال] “*jamaalun*”, maka maknanya akan menjadi “kecantikan”. Perbezaan pembacaan hanya terletak pada bunyi “a”, satu dibaca dengan panjang dan yang satu lagi dibaca dengan bunyi yang singkat. Hal ini tidak terdapat pada bahasa Arab sahaja, malah beberapa bahasa lain di dunia juga sangat mementingkan bunyi bagi menghasilkan makna yang tepat. Misalnya seperti bahasa Mandarin. Kepentingan bunyi dalam bahasa al-Quran telah mewujudkan “hukum tajwid” bagi mengenal pasti bunyi sesuatu perkataan.

Al-Quran mula mendapat sambutan yang hebat di dunia dalam bidang pendidikan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Jika dirujuk daripada laman rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, banyak subjek-subjek yang berkaitan dengan al-Quran ditawarkan di sekolah-sekolah rendah mahupun menengah. Misalnya, pendidikan Islam, Pengajian Quran dan Sunnah, Fiqh dan sebagainya. Bukan itu sahaja, malah Kementerian Pengajian Tinggi juga mengenal pasti beberapa universiti awam di Malaysia yang bukan dari aliran agama juga menawarkan bidang agama yang mengajarkan pengajian al-Quran. Al-Quran merupakan sebuah kitab yang unik kerana mempunyai kepelbagaian sumber yang sangat sesuai untuk dijadikan rujukan ketika melakukan sesuatu perkara. Sebagai contoh, ilmu sains biologi, ilmu fizik, ilmu kimia, ilmu astronomi, ilmu geografi, ilmu perundangan dan sebagainya. Dalam usaha mendalami ilmu al-Quran, kemanisan yang terdapat pada al-Quran akan dapat dirasai sekiranya mampu membaca al-Quran dan bahasa Arab dengan fasih. Ramai antara pengkaji-pengkaji hanya menggunakan terjemahan sahaja bagi mengkaji sesuatu perkara. Hal ini disebabkan kekurangan yang ada dalam diri seseorang untuk membaca atau menuturkan bahasa Arab dengan baik. Oleh itu, para pelajar telah diterapkan dengan ilmu pengajian al-Quran sejak di bangku sekolah lagi. Para pelajar diterapkan dengan huruf hijaiyah iaitu huruf-huruf asas dalam bahasa Arab sebelum dapat membaca sesebuah perkataan Arab. Pada peringkat permulaan pelajar mempelajari al-Quran, para pelajar didedahkan dengan sebuah buku asas iaitu “muqaddam” ataupun “Iqra”. Iqra

mempunyai 6 siri buku yang bersesuaian dengan peringkat pembacanya. Ramai pelajar Islam yang berjaya membaca al-Quran pada hari ini hasil didikan daripada tenaga pengajar di sekolah melalui pembacaan muqaddam ataupun Iqra. Setelah dapat membaca al-Quran dengan baik, para pelajar didedahkan dengan hukum-hukum tajwid bagi membunyikan setiap perkataan dalam al-Quran dengan baik. Namun, masih ramai lagi pelajar yang belum mampu membunyikan perkataan dalam al-Quran dengan baik. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah-masalah pelajar membunyikan mana-mana ayat dalam al-Quran.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Pelajar sekolah sememangnya sudah didedahkan dengan pendidikan yang melibatkan pengajian al-Quran dalam pelbagai mata pelajaran yang berkait dengan Islam. Selain itu, pelbagai usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dan pihak sekolah dalam usaha mendedahkan ilmu al-Quran kepada pelajar sekolah. Antaranya ialah, J-QAF, Fardu Ain, Majlis Tilawah al-Quran dan sebagainya. Kesemua insentif ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mahir membaca al-Quran. Namun demikian, terdapat segelintir pelajar yang masih belum dapat membaca al-Quran dengan baik. Terdapat juga pelajar yang mahir membaca al-Quran, tetapi masih lagi melakukan kesalahan dari segi hukum tajwid.

Secara umumnya, pelajar sekolah sememangnya amat sukar untuk mempelajari bahasa Arab bagi membaca al-Quran. Hal ini dikatakan sedemikian kerana bahasa Arab bukanlah bahasa ibunda pelajar dan juga bukanlah bahasa yang digunakan untuk bertutur di sekolah mahupun di rumah. Namun, sebagai seorang Muslim yang baik, seharusnya kita perlu mampu membaca al-Quran dengan baik agar dapat menjadi contoh teladan kepada anak-anak pada masa akan datang. Al-Quran perlu dipertahankan dengan cara mengajarkannya kepada anak-anak. Maka pentinglah bagi seorang Muslim itu mampu membaca al-Quran dengan baik. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

“Sebaik-baik di antara kamu ialah yang belajar al-Quran dan mengajarkan al-Quran”

Kajian ini melihat pelajar sudah mulai kurang fasih membaca al-Quran apabila sudah beralih ke fasa sekolah menengah. Isu penguasaan al-Quran pada peringkat sekolah rendah perlu

diberi perhatian secara serius kerana kegagalan menguasai al-Quran memberi kesan kepada beberapa aspek dalam kehidupan anak-anak, terutama dalam amalan-amalan Islam. Banyak kajian-kajian lepas yang menunjukkan penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah adalah pada tahap sederhana dan lemah (Amri, 2005; Daud, Wan Mohd Khairul Firdaus dan Mahadi, 2014; Hajarul Bahti et al., 2010; Muhammad Naim, 2003). Kajian untuk penguasaan al-Quran terhadap pelajar sekolah menengah pula belum didapati secara terperinci di mana-mana laman Internet. Oleh itu, pengkaji meneruskan beberapa kajian penguasaan al-Quran terhadap pelajar sekolah menengah pula.

Begitu juga dengan penguasaan membaca al-Quran secara bertajwid yang betul agak membimbangkan. Walaupun al-Quran diajar dalam asuhan Tilawah al-Quran dalam kurikulum Pendidikan Islam sebelum diperkenalkan dengan J-QAF, namun pengajaran dan pembelajaran hanya terarah kepada kebolehan membaca sahaja. Kajian mendapati hukum tajwid tidak diberi penekanan secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran di peringkat sekolah rendah (Ab. Halim, 2013). Kajian ini berpendapat bahawa penekanan dalam pembelajaran al-Quran tidak hanya dilakukan kepada pelajar sekolah rendah. Penekanan ini juga seharusnya diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agar mereka dapat mempertahankan bacaan al-Quran dengan baik.

Kajian ini berfokuskan kepada penilaian bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang telah dipilih oleh pengkaji. Bagi memperkuatkan lagi kajian ini, teori fonetik digunakan bagi mengenal pasti bacaan yang baik.

1.2 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar dari sekolah menengah. Setiap bacaan akan dikenal pasti melalui sistem fonetik berdasarkan ayat yang telah disediakan. Data dianalisis berpandukan objektif berikut;

1. Menilai kemahiran pelajar ketika membaca potongan ayat al-Quran secara rawak.
2. Mengetahui kesalahan ketika menyebut huruf hijaiyah berdasarkan hukum fonetik.

3. Mengkaji tahap pengetahuan pelajar tentang ilmu hukum tajwid
4. Menjelaskan faktor pelajar yang lemah dalam bacaan al-Quran.

1.3 DEFINISI OPERASIONAL TERMA

1.3.1 Sebutan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), “sebutan” ialah apa yang telah disebut atau cara melafazkan atau menyebut perkataan dan lain-lain. “Sebutan” ini boleh dikatakan bunyi yang dikeluarkan dari mulut yang membentuk sesuatu perkataan atau ayat yang membawa makna. Bunyi yang dikeluarkan dari mulut juga dikira sebagai sebutan.

1.3.2 Bacaan

Menurut Siti Hajar Abd Aziz (2010:143) membaca merupakan satu tindakan komunikasi iaitu satu proses berfikir yang melibatkan idea, kenyataan dan perasaan yang disampaikan oleh penulis kepada pembaca melalui perantara lambang- lambang bahasa. Jika difahamkan definisi yang disampaikan, membaca juga boleh dikatakan suatu interaksi di antara seorang pembaca dengan sesuatu bahan yang boleh dibaca.

1.3.3 Al-Quran

Berdasarkan laman rasmi Kementerian Dalam Negeri bahagian hal ehwal Islam, al-Quran didefinisikan sebagai *Kalamullah* (Kata-kata/Firman Allah) yang mengandungi mukjizat kemudian diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan malaikat Jibrail, kemudian ditulis dalam mashaf dan dipindahkan kepada kita secara *mutawatir*.

1.3.4 Pelajar

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), “murid” yang seerti dengan pelajar. Pelajar ialah anak didik atau orang mahupun anak yang sedang belajar atau berguru dan penuntut. Definisi ini menjelaskan bahawa “pelajar” merupakan orang yang berguru dan menuntut sesebuah ilmu tanpa mengira ilmu apa yang dipelajari. Orang yang sedang menuntut ilmu akan digelar sebagai pelajar.

1.3.5 Fonetik

Menurut Nik Safiah Karim dan Wan Malini Ahmad (2006), bidang fonetik merupakan bidang yang mengkaji bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh manusia dan memberi lambang kepada bunyi tersebut. Fonetik boleh dikatakan bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh alat artikulasi. Bunyi-bunyi yang dihasilkan mempunyai lambang atau simbol yang tersendiri bagi mengenal pasti sebutan yang betul dalam sesebuah perkataan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran pelajar sekolah menengah membaca ayat al-Quran. Dengan adanya kajian ini, mungkin tenaga pengajar boleh menjadikannya sebagai satu rujukan dalam usaha mengenal pasti kelemahan pelajar sekali gus mengambil satu insentif baru bagi melahirkan pelajar yang mahir membaca al-Quran dengan baik. Berkemungkinan juga, pelajar sekolah kurang mahir membaca al-Quran disebabkan suasana pembelajaran yang kurang kondusif. Jika kita lihat melalui teori *Gardner (1992)*, perbezaan persekitaran dan faktor individu seseorang itu seperti pengetahuan, kepercayaan terdahulu serta perbezaan individu mempengaruhi persepsi seseorang pelajar untuk berjaya dan sikapnya terhadap pembelajaran. Sikap kurang peduli terhadap pembelajaran akan menjadikan pelajar kurang mahir untuk menguasai bacaan al-Quran. Bukan itu sahaja, pelajar juga akan kurang menguasai subjek lain.

Jika kita lihat aliran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), subjek yang berkaitan dengan al-Quran tidak ditawarkan kepada sekolah yang menawarkan aliran sains sosial. Subjek-subjek yang berteraskan agama Islam hanya ditumpukan ke Sekolah-sekolah agama. Hal ini menjadikan pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah mempelajari bidang keagamaan selama 5 tahun di sekolah menengah mula menunjukkan penurunan dalam bidang keagamaan terutamanya dalam kemahiran membaca al-Quran. Ustaz Azhar Idrus (2012) dalam ceramahnya berpendapat bahawa orang mahir membaca al-Quran akan mengalami kekurangan kemahiran dalam membaca al-Quran apabila ditinggalkan dalam jangka masa yang lama. Jika difahamkan secara logik, para pelajar mahupun pembaca yang lain kurang mahir membaca al-

Quran setelah ditinggalkan dalam masa yang lama atas sebab al-Quran menggunakan bahasa Arab. Bahasa Arab bukan bahasa penutur dalam kalangan pelajar. Bahasa yang tidak dituturkan seharian akan mengalami penurunan secara drastik sekiranya tidak dipraktikkan selalu. Oleh itu, kajian ini juga akan membincangkan penyelesaian untuk mempertahankan kemahiran pelajar sekolah menengah dalam membaca al-Quran dengan baik. Kajian ini mungkin akan dapat membantu guru-guru sekolah untuk memperbaiki cara mengajar atau pengkaji-pengkaji yang lain.

BAB 2

Bab 2 menjelaskan beberapa bahagian yang merangkumi bahagian tinjauan literatur atau sorotan kajian lepas. Dalam bab 2, pengkaji telah menjelaskan sorotan kajian serta menghuraikan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan prestasi bacaan al-Quran dalam institusi-institusi pendidikan di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kajian yang mempunyai hubungan kait iaitu kajian Norita, Mohamad, Natrah, Ying (2021), kajian Sapie, Barinah, Suhana, Mohamad, Siti (2018), kajian Norhisyam, Azmil, Wahyu, Muhammad, Fatin (2019), kajian Halim (1991), kajian Khairulazman (2020), kajian Mohd, Zulkifli, Saidin (2008), kajian Rasyidah, Nik, Wan (2015), kajian Muhammad (2013), kajian Fairuz (2011) dan kajian Ahmad, Shadli, Che (2010). Kajian-kajian lepas yang telah dikumpul oleh pengkaji ini telah dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian.

2.0 TINJAUAN LITERATUR DAN SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0.1 Penguasaan Bacaan al-Quran Menerusi Tahsin al-Quran (2021)

Kajian lepas yang pertama ialah kajian Norita Abd Azizi, Mohamad Bazli, Md Radzi, Natrah Mat Noor, Ying Leh Ling (2021). Kajian ini bertajuk *Penguasaan Bacaan al-Quran Menerusi Tahsin al-Quran*. Tujuan kajian ini dijalankan ialah meningkatkan kemahiran penguasaan bacaan al-Quran. Kajian ini hanya menyatakan satu objektif kajian iaitu untuk menentukan peningkatan kemahiran pelajar dalam pembacaan al-Quran. Para pengkaji telah menggunakan kaedah kajian yang melibatkan prapelaksanaan iaitu tinjauan masalah dan masalah

pelaksanaan sebenar kajian yang dilaksanakan berdasarkan model *Kemmis* dan *Mc Taggard* (1998). Kajian ini telah dijalankan terhadap 13 orang pelajar yang terdiri daripada 12 orang pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan daripada kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam.

Berdasarkan rujukan artikel, kajian ini dijalankan melalui kaedah kuantitatif. Pendekatan kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; *Fraenkel*, 2007). Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dan menilai bacaan al- Quran yang dibacakan oleh responden terpilih. Dalam kajian ini, pengkaji juga menggunakan kaedah tinjauan masalah dan dibuat berdasarkan pemerhatian berstruktur dan senarai semak bagi mengumpulkan data.

Aktiviti/Masa	Cara Pelaksanaan	Hasil Penilaian (Data Kajian)
Minggu 1	Pensyarah menerangkan kepada pelajar untuk memulakan bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi sebelum bermulanya kuliah pada setiap kali pertemuan secara dalam talian.	Bacaan pelajar sangat lemah dan terdapat banyak kesalahandalam makhraj, tajwid dan lagu
Minggu 2-3	Pensyarah dan pelajar membaca bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi bersama-sama.	Bacaan pelajar masih pada tahap yang lemah dan masih terdapat banyak kesalahan dalam makhraj, tajwid dan lagu yang salah.

Minggu 4-7	Pensyarah memperkenalkan pelajar aplikasi al-Muqri sesama kuliah dijalankan pada minggu 4.	Pelajar menunjukkan peningkatan dari sudut makhraj, tajwid dan lagu. Bacaan pelajar pada minggu 6 semakin baik
Minggu 8-9	Pelajar memperdengarkan bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi bersama-sama pensyarah.	Bacaan pelajar sangat baik dan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.
Minggu 10	Dua orang Pensyarah dipilih bagi mendengar bacaan pelajar secara	Bacaan pelajar sangat baik dan terdapat banyak peningkatan

Jadual 2 : Data Kajian melalui Perlaksanaan Aktiviti (Kajian Lepas 1)

Berdasarkan jadual di atas, data kajian telah dibahagikan kepada tiga fasa. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan penguasaan bacaan pelajar dari aspek makhraj, tajwid dan lagu. Pada fasa yang pertama, melalui pembacaan yang ditunjukkan oleh pelajar menunjukkan tahap pembacaan pelajar berada pada tahap yang lemah. Pensyarah menggunakan pendekatan teguran secara langsung bagi membaiki bacaan pelajar. Namun, pada fasa yang kedua, pensyarah telah menggunakan pendekatan perisian al-Muqri untuk melatih dan menambah baik bacaan al-Quran pelajar. Seterusnya, dapatan kajian yang diperoleh dalam fasa yang ke-3 menunjukkan penguasaan bacaan pelajar sangat baik dari aspek makhraj, tajwid dan lagu. Peningkatan yang ditunjukkan melalui penilaian pensyarah penilai adalah sangat memberangsangkan. Oleh demikian, hasil kajian menunjukkan penguasaan bacaan al-Quran menerusi tahsin al-Quran menunjukkan peningkatan dan pencapaian yang sangat baik.

Kesimpulannya, kajian berkenaan dengan penambahbaikan terhadap pendekatan dalam penguasaan bacaan al-Quran dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Kajian dapat dikembangkan lagi dengan memasukkan beberapa pendekatan yang lain bagi menambah baik bacaan al-Quran. Berdasarkan kajian tindakan yang dilaksanakan ini, dapat disimpulkan bahawa penguasaan bacaan al-Quran dapat ditingkatkan dengan pendekatan teknik pengulangan dan

memberitahu pelajar tentang kesalahan dari segi bacaan untuk ditambah baik dan ditingkatkan. Melalui kaedah yang digunakan, bukan sahaja dapat meningkatkan bacaan pelajar, tetapi dapat menarik minat pelajar untuk sentiasa membaca al-Quran kerana dapat membantu mereka membaca dengan lancar selain dapat menyempurnakan makhraj, tajwid dan lagu dalam bacaan.

2.0.2 Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 SK Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik J-QAF. (2018)

Kajian lepas yang kedua ialah kajian Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Lip, Mohamad Ishak, Siti Mohni (2018). Kajian ini bertajuk *Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 SK Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik J-QAF*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid tahun 5 SK Sungai Karang berdasarkan model Khatam al-Quran dan model tasmik J-QAF. Bagi mencapai tujuan kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan 4 objektif kajian bagi mendukung tujuan kajian seperti berikut:

- Mengenal pasti tahap penguasaan murid tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang terhadap model pembelajaran al-Quran
- Menilai kekuatan dan kelemahan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al- Quran.
- Menilai kaedah, proses penilaian dan bimbingan murid terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran
- Menilai tahap penguasaan bacaan al-Quran murid tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah mendapatkan beberapa orang murid dalam kalangan darjah 5 yang mewakili responden kajian. Kajian ini dijalankan kepada 136 orang murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang dengan menggunakan kaedah pensampelan mudah yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan yang mempunyai pelbagai latar belakang keluarga, pelbagai aras pemikiran, yang telah menjalani program J-QAF selama 5 tahun. Saiz sampel telah ditentukan dengan merujuk jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan oleh *Krejcie & Morgan (1970)* daripada populasi murid tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang